



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (8)  
Tarikh : 21 Februari 2020

---

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **PROJEK PERUMAHAN PPR DAN PRIMA BERI PELUANG PENDUDUK SABAH DIAMI KEDIAMAN BERKUALITI**

---

PUTRAJAYA, 21 Februari 2020 - Alhamdulillah, saya telah menyempurnakan lawatan dua hari saya ke Sandakan, Sabah. Semalam, saya telah mengadakan empat sesi lawatan tapak iaitu lawatan tapak ke PPR Sg Manila Batu 12, tapak projek PPR Teres Batu 10, Pasar Besar Batu 8 dan PPR Batu Putih, Batu 7 dan saya juga berkesempatan mendengar taklimat daripada Majlis Perbandaran Sandakan.

Hari ini, saya berpeluang mengadakan lawatan ke Pasar Kim Fung Batu 4, lawatan Pasar di terminal bus baru dan diakhiri dengan lawatan ke projek perumahan Prima Sandakan City Centre. Saya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.2 juta untuk Sungai Manila (1 juta), pasar Kim Fung (1 Juta) dan Pusat Khidmat Dun sebanyak (RM1.2 juta). Saya juga mencadangkan dibina sebuah pasar baru berhampiran terminal bus dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Bagi projek perumahan PRIMA di Sandakan City Centre, ia melibatkan penyediaan rumah sebanyak 750 unit. Projek yang melibatkan tanah seluas 5.17 ekar ini merupakan projek perumahan jenis apartmen dan ianya telah siap 74.78% dan dijangka siap sepenuhnya pada 5 Mei 2020. Keluasan kediaman ini adalah antara 900sq ke 996sq dan dijual pada harga antara RM160k sehingga RM206K bergantung kepada keluasan.

Saya dimaklumkan bahawa terdapat sebanyak 9 projek perumahan PRIMA sedang dilaksanakan di seluruh Sabah dan ia melibatkan 5,219 unit sedang dalam pembinaan dan 3,260 lagi sedang dalam perancangan. Lokasi projek-projek ini ialah di Woodford, Kinarut South, Sepagar Bay, Menggatal, Kota Marudu, Kota Marudu 2, Borneo Cove, Sandakan City Centre dan Runggu.

Projek perumahan rakyat PPR dan projek perumahan PRIMA yang dikendalikan oleh KPKT akan memberi peluang kepada penempatan semula setinggian dan saya mengharapkan agar masalah setinggian akan dapat diselesaikan. Saya juga mengharapkan agar pendudukan Sabah dan Sandakan khususnya akan berpeluang tinggi di kawasan kediaman yang lebih berkualiti bagi menjamin kehidupan komuniti yang lebih sejahtera. Saya juga mengharapkan agar Majlis Perbandaran Sandakan akan berpeluang dinaikkan taraf ke Majlis Bandaraya dalam usaha kita memperkasa pihak berkuasa tempatan.

## **YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin**

### **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*